

DATUK MOHD ZAIN ABDUL MAJID

oleh: Mohd Yazid Mohd Abzal Khan

Datuk Zain Majid merupakan antara individu penting dalam usaha gerakan awal yang merintis jalan ke arah penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan matlamat hendak melihat kelangsungan pendidikan anak-anak Melayu terutamanya dari aliran kebangsaan ke peringkat pengajian tinggi.

Di antara peristiwa bersejarah yang beliau terlibat iaitu pada 25 Ogos 1968, telah diadakan pertemuan di Dewan Bahasa dan Pustaka yang turut dihadiri oleh para pemikir Melayu seperti aktivis bahasa dan pendidikan serta budaya dari pelbagai latar belakang kerjaya serta fahaman politik. Perjumpaan ini telah dipengerusikan oleh Tun Syed Nasir Ismail (ketika itu menyandang jawatan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka).

Rentetan daripada pertemuan tersebut, beliau telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Penaja Penubuhan Universiti Kebangsaan dan dengan kemahiran yang dimiliki, beliau juga telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Ahli Jawatankuasa Kecil Kewangan.

Anak kelahiran Jempol, Negeri Sembilan ini telah memulakan kerjaya sebagai Penolong Pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya pada tahun 1965. Pada tahun tersebut merupakan tahun pertama penuntut-penuntut dari lepasan tingkatan enam aliran kebangsaan mula memasuki universiti selepas lulus peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan. Namun demikian, penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar berkenaan tidak mencapai tahap yang memuaskan bagi mengikuti pengajian di Universiti Malaya kerana pengajaran bahasa Inggeris di sekolah aliran kebangsaan agak lemah.



Datuk Zain berucap dalam suatu majlis semasa bertugas di Persekutuan Majikan Majikan Malaysia (MEF)



Datuk Zain di Davos, Switzerland ketika beliau menjadi Ketua Pengarah MIDA bersama seorang pegawai MIDA

Dalam aspek pendidikan, Datuk Zain telah menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Jempol, Negeri Sembilan sebelum meneruskan persekolahan di peringkat menengah di Tuanku Muhammad School, Kuala Pilah. Seterusnya, beliau telah melanjutkan pendidikan tinggi di University of Glasgow, Scotland pada tahun 1959 yang merupakan suatu pencapaian yang membanggakan.

Secara peribadi, beliau telah mencipta sejarah apabila dilantik sebagai Ketua

Pengarah Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dari 1972 sehingga 1977. Beliau bertanggungjawab untuk menarik pelaburan dan memacu pembangunan perindustrian negara. Seterusnya, dari 1987 hingga 1999, beliau menjawat jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), menjadi suara utama mewakili majikan dalam perundingan dasar pekerjaan dan hubungan industri.

Datuk Zain dikenali sebagai seorang yang berwawasan, tegas dan berdedikasi terhadap pembangunan negara. Sumbangannya dalam bidang pendidikan dan ekonomi menjadikannya tokoh yang dihormati dan dikenang sehingga kini.

Sumber:

- Majid, Datuk. (2002). *Memoir Zain Majid: Mercu-mercu dalam perjalanan hidup*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd Ali Zain Kamarudin, (2005). *Universiti Kebangsaan Malaysia: sejarah penubuhan*. Bangi: Penerbit UKM.